

27 AUG 1998

Mahathir-Pembangunan

M'SIA LAKSANA PEMBANGUNAN SEIMBANG, KATA MAHATHIR

KUCHING, 27 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata projek pembangunan yang dilaksanakan di negara ini dibuat dengan mengambil kira kepentingan rakyat tanpa membelakangkan alam sekitar.

Perdana Menteri berkata Malaysia juga bukanlah sebuah negara yang suka membazir dengan melaksanakan projek untuk tujuan menunjuk-nunjukkan kebolehannya dan mengagung-agungkan pemimpin.

"Kalau kita membazir, wang kerajaan akan digunakan untuk membina patung-patung Dr Mahathir. Kita tidak buat itu semua... kita bina bangunan yang bermanfaat, kita hendak bekalan elektrik murah kita buat projek hidro-elektrik Bakun (yang kini ditunda pelaksanaannya)," kata beliau ketika merasmikan baraj dan pintu air Skim Pengawalan Sungai Sarawak berharga RM150 juta di Sejingkat.

Dr Mahathir berkata tujuan kerajaan membina jalan raya, lapangan terbang serta memperbesarkan pelabuhan di negara ini adalah demi kemudahan rakyat.

Katanya, banyak bangunan dan infrastruktur negara mempunyai nilai estetika tinggi yang memberikan kepuasan dan ini sejajar dengan wang yang dibelanjakan di samping dapat menjadikan Malaysia sebuah negara yang menarik untuk dikunjungi rakyat tempatan mahupun orang luar.

Perdana Menteri berkata projek-projek sedemikian dibuat berdasarkan wawasan Malaysia untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020 tetapi hasrat itu sedikit-sebanyak terhalang buat sementara waktu ekoran serangan terhadap ringgit dan pasaran saham.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata sememangnya mana-mana kerajaan yang ingin dipilih semula oleh rakyat perlu berusaha untuk membangunkan negara.

Beliau turut menyangkal tuduhan sesetengah pihak bahawa Malaysia menebang hutan semula jadinya atas nama pembangunan.

"Kita tidak tebang hutan sehingga tidak ada pokok... kita hanya benarkan beberapa pokok sahaja ditebang... dan kita prihatin terhadap binatang-binatang liar," katanya.

Dr Mahathir memuji kerajaan Sarawak kerana melaksanakan projek pembentung sungai yang menjadi sebahagian daripada skim pengawalan Sungai Sarawak.

Beliau menyeru rakyat agar membantu menjaga kebersihan sungai dan menganggapnya sebagai satu nikmat daripada Ilahi yang perlu dipelihara dengan baik.

"Kita sudah maju daripada dahulu dan tamadun kita sudah meningkat, kita mesti memelihara sungai dan tidak menganggapnya seolah-olah satu sistem kumbahan tempat membuang segala kekotoran," katanya.

Beliau berkata tidak banyak negara yang mempunyai sungai seperti di Malaysia terutamanya macam sungai-sungai di Sarawak.

Beliau mengisahkan lawatannya ke Namibia suatu masa dahulu apabila menteri luar negara itu menceritakan dia terbang dengan helikopter bersama anaknya di satu kawasan kehijauan di luar negara itu.

Apabila lalu di satu kawasan, anak menteri itu bertanya apa yang mengalir di bawah dan menteri itupun memberitahu bahawa ia adalah sebatang sungai.

"Anak menteri itu hairan dan bertanya kenapa sungai ada air. Ini disebabkan anak itu sentiasa menganggap bahawa sungai tidak ada air seperti wadi di padang pasir," ceritanya.

Bagi yang hidup di kawasan kering seperti Namibia dan padang pasir di

Sahara, sungai memang tidak ada air dan sungai yang ada air adalah nikmat yang paling besar sekali, katanya.

Dalam Islam, syurga itu digambarkan sebagai kawasan yang ada sungai mengalir dengan air dan bagi mereka yang tinggal di padang pasir sungai seperti itu adalah syurga.

"Tetapi kita yang duduk dalam syurga ini, apa yang kita buat?" tanya beliau sambil menambah bahawa rakyat perlukan sungai yang bersih untuk kepentingan kehidupan seharian.

Oleh itu kata beliau rakyat perlu menukar cara hidup dan meningkatkan usaha menjaga kebersihan air sungai sebagai sesuatu yang bernilai.

-- BERNAMA  
MAM OPP NMO